



## PERANAN KAUNSELOR SEKOLAH DAN MASALAH KERUNTUHAN MORAL PELAJAR

Sapora Sipon

**D**EWASA ini, banyak masalah disiplin yang melanda pelajar-pelajar sekolah. Selain daripada masalah penyalahgunaan dadah, masalah-masalah sosial yang lain seperti lepak, bohsia, seks di luar perkahwinan dan HIV/AIDS merupakan masalah-masalah yang semakin berleluasa berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Di antara tahun 1990 hingga 1996, sejumlah 4,045 remaja lelaki dan 166 remaja perempuan di antara umur 13 hingga 16 tahun didapati telah melakukan kesalahan juvenile. (New Straits Times, 1998). Suradi Salim (1993) menjelaskan masalah keruntuhan moral di kalangan pelajar memerlukan perhatian yang serius dan satu perancangan yang teliti haruslah dilakukan oleh pihak sekolah dalam menangani masalah ini. Tidak dapat dinafikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui kaunselor sekolah dikatakan dapat membantu mengurangkan masalah keruntuhan moral dan disiplin di kalangan pelajar.

Kaunselor sekolah dapat memainkan peranan penting dalam menangani masalah disiplin atau keruntuhan moral pelajar. Kaunselor boleh melakukan tugas ini sama ada secara terus dengan pelajar yang bermasalah melalui

perbincangan atau melalui penganjuran program-program bersama-sama dengan mereka yang berkait rapat dengan golongan pelajar-pelajar umpamanya ibu bapa, guru dan pihak pentadbir. Dalam konteks ini, tujuan utama kaunselor sekolah adalah untuk mengubah dan menyesuaikan perlakuan klien (pelajar) kepada satu perlakuan yang lebih baik. )

Knoff (1985) berpendapat, kaunselor sekolah perlu melahirkan pelajar yang lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan juga dapat mengawal tingkah laku dirinya sendiri. Ini boleh dilaksanakan melalui peraturan sekolah yang menyeluruh yang dapat membentuk peribadi pelajar. Selain daripada itu, penekanan juga perlu diberi kepada melatih guru-guru dan pihak pentadbir sekolah berkaitan kemahiran memainkan peranan sebagai pembimbing. Stickel, Stachwell & Mayer (1991) menekankan keperluan kemahiran ini sebagai usaha penting memperbaiki sikap pelajar yang tidak berdisiplin.

Mereka berpendapat pendekatan disiplin yang sistematik merupakan satu proses pembelajaran bagi pembentukan kognitif ke arah pelajar yang positif. Penglibatan kaunselor sekolah dalam mencegah masalah disiplin pelajar boleh dibahagikan kepada dua aspek: pencegahan dan bantuan.

Aspek pencegahan meliputi usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh kaunselor seperti mengadakan peraturan-peraturan sekolah dan menekankan kepentingannya, memberi harapan kepada keluarga dan masyarakat terhadap pelajar, menanam cita-cita dan daya usaha ke atas pelajar, mengadakan ceramah-ceramah kerjaya dan memberi pengertian akan falsafah hidup.

Melalui penganjuran aktiviti-aktiviti yang terancang, para pelajar akan dapat mengenal pasti kepentingan ilmu pengetahuan serta dapat menanam nilai-nilai positif yang bersesuaian dengan norma-norma masyarakat. Sementara itu, peraturan-peraturan sekolah dapat mendidik pelajar mengenalpasti kebaikan dan keburukan sekiranya mereka terlibat dalam sesuatu tingkah laku. Pendedahan seumpama ini perlu di peringkat awal persekolahan. Selain itu, pelajar-pelajar juga perlu diberi peluang untuk terlibat sama dalam membuat peraturan disiplin, contohnya disiplin dalam bilik darjah dan persatuan. Kaedah ini boleh mewujudkan rasa "kepunyaan" di kalangan pelajar. Bahkan mereka akan lebih bertanggungjawab apabila mereka

melanggar peraturan/disiplin tersebut.

Melalui aspek bantuan pula, seorang kaunselor sekolah didapati boleh membantu seorang pelajar bermasalah kerana mereka memiliki teknik-teknik kemahiran yang sesuai dengan pernyataan sesuatu masalah. Kajian oleh Stickel (1991) amat menitikberatkan penglibatan kaunselor dalam aspek ini. Mengikut beliau, sesetengah pelajar tidak boleh didenda. Sebaliknya, pelajar ini bersedia berubah apabila kaunselor menjalankan proses rundingan mengenai masalah yang mereka hadapi. Cara ini dilihat lebih sesuai kerana kaunselor dianggap sebagai orang yang lebih rapat dengan pelajar tersebut sebagai *student advocate*.


Justeru itu, kaunselor sekolah sering diminta berjumpa dengan pelajar-pelajar yang bermasalah. Kajian Stickel (1991) mendapati pelajar-pelajar yang bermasalah datang berjumpa dengan kaunselor adalah atas sebab-sebab tertentu. Antara masalah-masalah disiplin yang sering dirujuk

kepada kaunselor adalah seperti tidak menghormati guru, ponteng sekolah atau kelas, masalah dalam bilik darjah, pergaduhan, merosakkan harta benda dan menyertai kumpulan-kumpulan haram. Rujukan terus masalah disiplin kepada kaunselor menunjukkan bahawa dalam sesetengah



Bolehkah kaunselor menjadi agent of pengawalan sosial yang efektif?

pendekatan yang disiplin. Ini adalah disebabkan dianggap lebih berkemahiran untuk memahami personaliti seseorang dan memiliki pengetahuan yang boleh diaplikasikan serta personaliti mereka sebagai individu yang mudah didekati.



## AKTIVITI-AKTIVITI BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Perubahan tingkah laku mengambil masa yang panjang. Kaunselor sekolah perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam merangka program-program yang bersesuaian. Brake dan Gelles (1994) merangka satu program yang dipanggil "Discovery". Dalam program ini, perkembangan moral pelajar dapat dipertingkatkan di samping memperbaiki mutu pencapaian akademik mereka. Program ini mempunyai dua tahap, iaitu tahap pertama dan tahap kedua. Tahap pertama ialah "pendedahan maklumat" manakala tahap kedua ialah tahap "ambil peranan".

Di tahap pertama, pelajar-pelajar didedahkan kepada maklumat-maklumat seperti kaedah menjadi pelajar yang baik, teknik belajar secara betul dan cara berkomunikasi. Sementara di tahap kedua ialah tahap di mana pelajar-pelajar diberi satu tanggungjawab yang besar iaitu mereka perlu membimbing atau mengajar sekumpulan pelajar lain yang lebih muda. Program ini memakan masa selama 12 minggu dan pelajar-pelajar akan mendapat bimbingan, nasihat dan bantuan dari kaunselor. Hasilnya perkembangan moral pelajar didapati telah meningkat dan mereka menunjukkan nilai-nilai positif terhadap sekolah dan tingkah laku negatif sebelumnya telah dapat diperbaiki.

Masalah disiplin pelajar juga boleh ditangani melalui kaunseling kelompok. Kajian Mula dan Cole (1991) mendapati kaunseling kelompok yang dijalankan kepada pelajar-pelajar yang tercicir dan menghadapi masalah disiplin telah berjaya menunjukkan hasil yang positif. Kajian mereka mendapati pada mulanya pelajar-pelajar ini mempunyai pencapaian akademik yang rendah, tidak suka datang ke sekolah dan pernah digantung sekolah kerana salah laku. Dari segi psikososialnya, mereka mempunyai konsep sendiri yang lemah dan banyak bergantung kepada faktor-faktor luaran. Sebaliknya, setelah menjalani beberapa sesi kaunseling kelompok, pelajar-pelajar ini telah berjaya memperbaiki tingkah laku negatif dalam bilik darjah. Mereka kini memiliki *internal locus of control* dan peratus keciciran juga didapati berkurangan. Kaunseling kelompok yang diadakan berjaya menghindarkan pelajar-pelajar daripada melakukan perkara-perkara yang memberi kesan negatif ke atas diri mereka.

## PERANAN GURU

Guru sekolah memainkan peranan penting dalam menangani masalah disiplin pelajar. Kajian oleh Center dan Canter (1991) mendapati bahawa kaunselor sekolah dengan kerjasama guru kelas merupakan sumber penting membantu guru-guru membentuk kemahiran menangani masalah pelajar dalam bilik darjah. Kajian mereka mendapati guru berupaya mengubah sikap pelajar hasil daripada latihan kaunseling. Mereka menggariskan beberapa cadangan dalam usaha kaunselor menangani masalah pelajar. Antara cadangan-cadangan tersebut termasuklah menguasai kemahiran menangani masalah salah laku, melibatkan diri dengan aktif dalam mengubal dasar dan polisi yang berkaitan dengan masalah disiplin, mengendalikan program-program yang berkaitan dengan disiplin dan bekerjasama dengan guru dan pihak pentadbir.

Kaunselor sekolah juga disarankan mengadakan perbincangan dengan guru-guru yang ingin mencuba pendekatan-pendekatan baru menangani masalah disiplin pelajar. Di samping itu, peranan kaunselor juga termasuk memperkembang dan menjalankan peraturan-peraturan yang perlu diikuti dalam bilik darjah dan aktiviti kumpulan kecil, melibatkan diri dalam kaunseling individu dan kelompok. Kesemua ini dapat membantu memahami dengan lebih baik peraturan-peraturan bilik darjah dan perlakuan yang diingini.

Kaunselor sekolah juga boleh membantu guru-guru dan pihak pentadbir dalam memilih pendekatan disiplin yang paling sesuai dengan pelajar. Satu dokumentasi dan kaji selidik mengenai keberkesanan program-program disiplin yang telah dijalankan bolehlah dilakukan. Ini juga bermakna bahawa kaunselor terlibat dalam menangani masalah disiplin sekolah. Perbincangan terus kaunselor dengan pelajar dalam menghadapi masalah disiplin banyak sekali. Kaunselor sering menjadi rujukan pengetua, guru sekolah dan pihak sekolah bagi menangani masalah salah laku di kalangan pelajar.

Kaunselor sekolah sering menghadapi beberapa kekangan dalam mengaplikasikan khidmat kaunseling. Antara kekangan-kekangan tersebut termasuklah perasaan kecewa pelajar-pelajar, kebimbangan guru-guru dan takut akan kegagalan. Terdapat juga kaunselor yang takut tidak berjaya \*

merubah tingkah laku pelajar-pelajar dan juga keengganan kaunselor mempelajari pendekatan daripada teknik kaunseling.

Bagi mengatasi masalah ini, terdapat beberapa program di mana guru-guru boleh meningkatkan kemahiran dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar iaitu melalui Program Latihan Dalam atau In Service Training dan program rundingan '*consultation*'. Kedua-dua program ini dianggap sebagai program pencegahan. Tujuan utama program latihan dalaman dan rundingcara kaunseling ini adalah untuk mendedahkan guru kepada teknik-teknik rundingan/kaunseling dan cara mengaplikasikannya. Melalui latihan ini guru peserta akan dapat membezakan jenis-jenis salah laku sama ada yang berbentuk perlakuan, emosi dan mental. Di samping itu, mereka dapat mengenalpasti dan menganalisa faktor-faktor psikologi dan persekitaran yang mendorong kepada masalah salah laku dan diajar cara-cara menangani masalah disiplin tersebut dengan fikiran dan perasaan yang terbuka, menggunakan logik dan juga sumber yang sedia ada. Teori-teori, falsafah dan teknik-teknik yang terbaru dalam menangani masalah disiplin juga akan didedahkan kepada mereka.

Kedua-dua program ini perlu dilaksanakan di peringkat awal sebelum masalah disiplin menjadi serius. Jika program ini tidak dilakukan pada peringkat awal, beberapa kesan negatif akan timbul. Antara lainnya termasuklah kemungkinan guru tidak menyertai program ini kerana telah mempunyai tanggapan yang negatif terhadap pelajar yang bermasalah. Guru yang mempunyai tanggapan bahawa program ini akan menemui kegagalan akan merasa takut untuk menghadapi kenyataan kegagalan tersebut. Guru yang kurang mahir akan bertindak dengan cara paling mudah bagi mengatasi masalah disiplin iaitu dengan menghalau pelajar keluar dari bilik darjah. Kekecewaan dan kemarahan yang dialami oleh guru juga disebabkan oleh beliau terlalu mengharapkan perubahan sikap pelajar dengan cepat melalui hasil usaha rundingcara/kaunseling yang sedikit. Mereka sebaliknya ingin menyerahkan bulat-bulat tugas melaksanakan kaunseling kepada kaunselor sekolah.

## PERANAN IBU BAPA

Ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan pelajar. Dengan itu, satu-satunya cara untuk menangani masalah disiplin pelajar adalah dengan mendekati

ibu bapa pelajar tersebut. Kaunselor sekolah boleh menangani masalah keruntuhan akhlak pelajar dengan penglibatan ibu bapa. Noller dan Tyler (1989) mendapati bahawa penyertaan ibu bapa amat berkesan dalam menangani pelajar-pelajar yang bermasalah. Kebanyakan kaunselor berpendapat bahawa kaunseling yang berjaya sepatutnya melibatkan kerjasama yang aktif dari pihak ibu bapa. Davies (dalam La Brie dan Vallies, 1990) pula mendapati bahawa satu usaha yang terancang perlu diadakan antara ibu bapa dengan pelajar. Mengikutnya, kaunselor sekolah boleh mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan ibu bapa di mana kedua-dua pihak akan diberi peluang untuk berkongsi pendapat dalam menerima dan membahagikan maklumat.



Salah satu program yang melibatkan kerjasama kaunselor dengan ibu bapa dalam menangani masalah disiplin dinamakan “kontrak tingkah laku” atau “*Behaviour Contract*”. Program Kontrak Tingkah laku ini, mempunyai tiga tujuan utama iaitu melihat sejauhmana kerjasama antara kaunselor dengan pihak ibu bapa, mengadakan latihan kemahiran ibu bapa atau parenting *skills* dan melihat perubahan sikap pelajar. Program ini telah dijalankan ke atas dua belas orang ibu bapa dari kelas menengah yang anak mereka menghadiri gred K\* di sebuah sekolah awam di bahagian Utara New Jersey. Dalam program ini, kaunselor akan mengadakan satu sesi latihan untuk ibu bapa dengan menggunakan sebuah buku panduan. Ibu bapa dikehendaki mengenalpasti masalah-masalah disiplin anak-anak mereka dan kaunselor akan mengesahkan masalah ini dengan guru darjah anak-anak tersebut. Kelakuan yang diingini akan ditentukan melalui perbincangan bersama ibu bapa, kaunselor dan guru tingkatan. Buku panduan yang ditulis oleh kaunselor mengandungi kontrak-kontrak, carta-carta penilaian, sijil-sijil mengikuti program, keterangan mengenai perlakuan yang sepatutnya dimiliki oleh pelajar-pelajar.

Sekiranya pelajar berkelakuan baik, beliau akan diberi pujian. Sepuluh daripada dua belas peserta (ibu bapa) tersebut mendapati bahawa kontrak tingkah laku ini sangat berkesan. Selain itu, hubungan serta komunikasi ibu bapa dan guru semakin mesra. Guru-guru yang terlibat dalam program ini mendapati perubahan positif di kalangan pelajar-pelajar yang bermasalah di mana pelajar-pelajar terlibat didapati telah memperolehi markah tugas yang jauh lebih baik.

Hasil kajian ini juga menunjukkan kesan positif terhadap peringkat kerjasama dari ibu bapa melalui buku panduan yang disediakan. Ibu bapa yang dikaji telah mengenalpasti tingkah laku yang dikehendaki dan mempelajari bagaimana hendak memberi penilaian kepada anak-anak mereka di samping menanamkan nilai-nilai yang baik kepada anak-anak tersebut. Mereka telah diberi peluang yang amat bernilai untuk bekerjasama dengan guru dan kaunselor di sekolah terbabit dalam menangani masalah disiplin anak mereka. Selain itu, guru juga mendapat peluang untuk melibatkan diri dalam program yang melibatkan ibu bapa.

Masalah yang sering timbul dalam pelaksanaan sistem kontrak tingkah laku ini ialah ibu bapa mempunyai kurang kemahiran dalam pelaksanaannya. Oleh itu, Smith (1994) telah berusaha untuk menghasilkan satu buku panduan program kontrak tingkah laku. Malangnya ibu bapa tidak menyedari kewujudan buku ini. Keberkesanan kontrak tingkah laku ini banyak bergantung kepada sejauhmana kerjasama yang terjalin antara rumah dengan sekolah dan bagaimana program ini dinilai.

Sejauhmana kerjasama yang terjalin antara rumah dan sekolah banyak dipengaruhi oleh pengetahuan dan penerimaan nilai-nilai keluarga. Kajian menunjukkan kerjasama yang baik antara sekolah dan rumah melalui perjumpaan-perjumpaan di sekolah telah memberi kesan ke atas gred pelajar yang didapati semakin baik, kedatangan pelajar juga semakin meyakinkan, perhubungan yang lebih mesra antara ibu bapa dan kaunselor, peratus kecaciran yang menurun dan masalah disiplin yang semakin berkurangan.

Hasil kajian Roberts (dalam Knoff 1985) di sebuah sekolah di West Middle School Illinios terhadap perjumpaan-perjumpaan ibu bapa dengan guru

kaunselor dan guru sekolah membuktikan bahawa kaedah tersebut berjaya membincangkan minat pelajar, berkongsi pendapat dan bertukar-tukar maklumat, melihat pencapaian dan kebolehan pelajar berdasarkan rekod kumulatif. Selain itu ibu bapa bertanya soalan, membincangkan tentang kerjaya dan masa depan pelajar.

Secara kesimpulannya, konferensi antara kaunselor dengan ibu bapa pelajar merupakan cara yang penting bagi mengetahui apa sebenarnya masalah pelajar. Melalui konferensi juga, pelajar dan ibu bapa boleh memahami dengan jelas kebolehan pencapaian akademik dan juga minat pelajar terhadap kerjaya. Konferensi juga membantu ibu bapa dan pelajar merancang masa depan. Ia juga memberi satu pengalaman yang berguna kepada ibu bapa dan pelajar terutamanya pendedahan dari segi kerjaya pelajar. Selain hubungan antara kaunselor, pelajar dan ibu bapa menjadi semakin mesra hasil dari konferen tersebut.

## PERANAN PIHAK SEKOLAH DENGAN KAUNSELOR

Seorang kaunselor juga mempunyai peranan untuk memberi pandangan atau berunding dengan pihak pentadbir sekolah dalam menggubal dasar, polisi dan program-program yang bersesuaian untuk pembentukan tingkah laku positif di kalangan pelajar. Pihak kaunselor memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dalam bidang kaunseling amatlah wajar. Para kaunselor ini berkongsi pandangan dengan pihak sekolah dalam membangunkan dasar atau peraturan disiplin di sekolah. Pihak kaunselor boleh memberi penerangan yang terperinci dan bertindak sebagai penasihat kepada pengetua dalam mengubal polisi disiplin di sekolah.

## TEKNIK-TEKNIK KEMAHIRAN UNTUK KAUNSELOR SEKOLAH

Kaunselor sekolah boleh membantu seorang pelajar bermasalah kerana mereka memiliki teknik-teknik kemahiran yang sesuai. Kemahiran-kemahiran asas adalah amat penting untuk seorang kaunselor melihat permasalahan pelajar dan menanganinya sebaik mungkin. Berikut ialah beberapa kemahiran yang boleh diaplikasikan oleh kaunselor dalam usaha menangani masalah keruntuhan pelajar.

\* **Kemahiran mendengar**

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dan utama dalam sesi kaunseling. Kaunselor memerlukan daya pendengaran dan perhatian yang kuat untuk benar-benar mendengar maklumat pelajar. Kemahiran mendengar kaunselor sekolah menunjukkan kesediaannya untuk bersama-sama pelajar dan kaunselor boleh menunjukkan kemahirannya mendengar melalui beberapa cara iaitu:

- **Menyatakan semula**

Kaunselor menyebut semula dengan tepat apa yang telah diperkatakan oleh klien. Di sini kaunselor menunjukkan bahawa beliau mendengar kata-kata klien.

Klien                    “Saya tidak tahu apa yang saya nak lakukan dalam hidup ini. Kadangkala, saya rasa saya nak cari pengalaman dan kerja. Tapi, ada masanya saya rasa saya nak teruskan pelajaran saya.”

Kaunselor:            “Awak masih lagi tidak pasti untuk membuat pilihan yang terbaik... masih lagi tercari-cari.”

- **Mengambarkan semula**

Kaunselor memberi fokus kepada isi kandungan serta perasaan hati klien. Teknik ini tidak boleh digunakan terlalu awal kerana klien akan membuat gambaran yang menakutkan seolah-olah kaunselor boleh membaca segala isi hatinya.

Klien:                    “Saya tidak suka belajar tapi saya tidak mahu mak saya marah dan susah hati...”

Kaunselor:            “Nampaknya, awak rasa tidak mahu emak awak marah.”

\* **Kemahiran berkomunikasi dengan jelas.**

Kaunselor sekolah akan lebih berjaya sekiranya beliau mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan jelas. Kaunselor sekolah perlu menjauhi perkataan-perkataan yang sukar difahami oleh klien. Adalah baik sekiranya kaunselor sekolah dapat menggunakan ayat-ayat yang biasa digunakan di sekolah dan bukannya dari buku-buku akademik. Cara ini

mungkin akan dapat menakutkan pelajar-pelajar. Selain itu, ayat-ayat yang panjang, berbelit-belit dan menyukarkan kefahaman pelajar perlu dielakkan. Salah satu cara kaunselor sekolah dapat mengetahui samaada pelajar tidak dapat memahami percakapannya ialah ketika pelajar bertanya semula soalan-soalan yang telah dikemukakan kepadanya.

\* **Kemahiran membina hubungan**

Seorang kaunselor sekolah seharusnya berkemahiran untuk membina hubungan yang menyakinkan dan mewujudkan kepercayaan seorang klien kepadanya. Pelajar akan lebih tertarik kepada kaunselor sekolah yang mempunyai imej yang mesra, baik dan ramah. Kepercayaan dan keyakinan yang wujud antara kaunselor sekolah dengan pelajar dan ini akan berjaya membina hubungan yang baik.

\* **Kemahiran menstruktur**

Penstrukturan penting dalam sesi kaunseling kerana kegagalan menstruktur akan memberi kesan kepada sesi-sesi kaunseling yang akan datang. Kaunselor sekolah yang mahir membuat penstrukturan akan dapat membina hubungan yang mesra dengan pelajar. Penstrukturan yang baik boleh memudahkan proses penerokaan sesi kaunseling. Ini disebabkan pelajar yang sejak awal-awal lagi telah yakin akan kebolehan kaunselor akan dapat meluahkan perasaannya tanpa perasaan takut, curiga atau segan.

\* **Kemahiran Meneroka**

Dalam sesi kaunseling, kemahiran meneroka adalah amat penting kerana tanpa penerokaan, proses kaunseling tidak akan berjalan dengan baik. Kaunselor sekolah harus menguasai kemahiran ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dari pelajar. Kegagalan kaunselor membuat penerokaan yang baik akan mengagalkan sesuatu sesi.

Klien: “Saya menghadapi masalah dengan bapa saya. Dia semakin tua dan nyanyuk pula. Saya banyak kerja tapi terpaksa layan dia. Kerja-kerja rumah saya banyak. Selalu saya tak dapat habiskan kerja rumah saya kerana saya terpaksa lebihkan dia. Saya bukan tak mahu tolong dia tapi keadaan semakin sukar.”

Kaunselor: “ Saya rasa saya boleh faham perasaan awak. Anda kecewa, marah tapi pada waktu yang sama awak rasa bersalah pada bapa awak. Sudah lama perkara ini berlaku...?”

\* **Kemahiran membuat klarifikasi**

Teknik ini bertujuan memperolehi maklumat lanjut dari pelajar. Kaunselor sekolah boleh menggunakan kemahiran ini untuk benar-benar memahami maksud pelajar. Pelajar juga akan lebih memahami kekeliruan yang timbul.

Pelajar: “Saya selalu tak dapat tumpu perhatian pada cikgu Milah pada masa dia mengajar...”

Kaunselor: “Boleh awak beritahu saya kenapa...?”

\* **Kemahiran bertanya**

Kaunselor sekolah perlu cekap bertanya soalan-soalan yang dapat melicinkan proses kaunseling. Pertanyaan soalan yang tepat dapat mengalakkan pelajar lebih memahami dirinya. Soalan-soalan kaunselor haruslah yang berkaitan dengan usaha menggalakkan pelajar menjelajah dan memahami perasaan pelajar. Kemahiran kaunselor untuk bertanya mempunyai tujuan tertentu seperti dapat menarik perhatian pelajar untuk meluahkan perasaan dan masalah tanpa mereka rasa tergugat. Bagaimanapun, kaunselor sekolah harus ikhlas dan bertanya pada diri sendiri sebelum bertanya pelajar. Kaunselor sekolah harus bertanya pada dirinya samada pertanyaannya kepada pelajar adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan atau semata-mata untuk mengelakkan kesenyapan. Klien yang ditanya bertalu-talu oleh kaunselor akan merasa terancam dan ini boleh mempengaruhi kelicinan sesi kaunseling.

\* **Kemahiran menghadapi kesenyapan**

Pelajar yang diminta menghadiri sesi kaunseling sering menganggap seperti mereka sedang/akan dihukum. Oleh itu, mereka akan kurang memberi kerjasama kepada kaunselor dengan tidak menjawab kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh kaunselor. Dalam menangani perkara ini, kaunselor sekolah perlu bijak untuk menghadapi kesenyapan. Belkin (1988) menjelaskan bahawa, walaupun kadangkala kesenyapan

tidak dianggap sebagai satu kemahiran dalam kaunseling tetapi ianya sangat berguna. Ia juga memberi manfaat kepada kaunselor dan pelajar untuk memikirkan apakah tindakan selanjutnya yang perlu dilakukan.

Pelajar: "Saya nak belajar tapi setiap kali saya baca buku, saya tak ada mood..."

Kaunselor: Senyap.

Pelajar: "Saya pun tak tahu kenapa, saya cuba nak atasi masalah saya ini..."

Kaunselor: Senyap.

\* **Kemahiran melakukan dorongan minima**

Dorongan minima diperlukan untuk memberi sokongan dan dorongan kepada klien untuk meneruskan perbincangan. Di antara dorongan minima tersebut ialah "mm..ya, teruskan".

Klien: "Saya tak suka subjek Sejarah, kena hafal tarikh, fakta. Jemu saya. Saya suka belajar Matematik, buat pengiraan. Lagipun..."

Kaunselor: "mm..mm..teruskan".

Klien: "Lagipun, Cikgu Milah pandai ajar Matematik"

\* **Kemahiran membuat intepretasi**

Intepretasi ialah mentafsirkan maksud tersirat klien. Kaunselor haruslah mahir dalam membuat intepretasi kerana tersilap membuat pentafsiran boleh mengganggu proses kaunseling yang sedang rancak berjalan. Brammer & Shostrom (1977) menjelaskan kemahiran intepretasi banyak bergantung kepada teori-teori yang dianuti. George (1981) membahagikan teknik intepretasi kepada tiga iaitu membuat klarifikasi, konfrontasi dan "immediacy".

\* **Kemahiran memfokus**

Kaunselor sekolah harus mempunyai kemahiran memfokus supaya persoalan pelajar dapat diberi perhatian dan menghalang pelajar bercerita keluar daripada tajuknya. Kaunselor akan menghimpunkan butir-butir penting yang dilakukan semasa perbincangan. Tujuan utama membuat

kesimpulan ialah supaya pelajar sedar apa yang telah dibincangkan dan dapat mengingat semula.

Klien: “Dulu saya ramai kawan. Semuanya suka berkawan dengan saya. Lepas tu, bila pengetua panggil saya sebab saya ada masalah, semua orang tak suka berkawan dengan saya, semua lari. Emak saya suka memebel kat rumah, salah sikit bising semuanya yang saya buat tak kena... itulah inilah. Kawan rapat saya dulu baik sangat dengan saya, tiba-tiba jadi begini. Sedih saya.”

Kaunselor: “Okay!. Saya faham perasaan awak. Tapi, macamana kalau kita tumpukan dulu cerita awak dengan kawan-kawan awak baru kita bercerita tentang keluarga awak.”

**\* Kemahiran berempati**

Kemahiran berempati adalah di mana kaunselor cuba memahami, mengalami serta merasa apa yang dirasai oleh pelajar. Keadaan ini membolehkan klien merasa kaunselor sedang mendengar dan mengambil perhatian serta cuba memahami masalahnya.

Contoh :

Klien: “Saya tidak tahu apa yang berlaku. Saya rajin belajar tetapi masih lagi tak dapat keputusan yang baik. Saya rasa saya belajar macam orang lain, tapi usaha saya masih lagi gagal.”

Kaunselor: “Memang sedih apabila kita dah berusaha sekuat mungkin tetapi masih lagi gagal. Ia buatkan awak rasa sedih dan mungkin buatkan awak rasa kasihan pada diri awak.”

**KESIMPULAN**

Masalah keruntuhan moral semakin berleluasa berlaku di kalangan pelajar-pelajar. Masalah ini memerlukan perhatian yang serius dan setiap pihak yang terlibat perlu memikirkan perancangan yang teliti supaya masalah ini tidak akan menjejaskan usaha Kementerian Pendidikan

Malaysia melahirkan individu yang seimbang dan harmonis seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara. Salah satu usaha yang boleh dijalankan untuk menangani masalah keruntuhan moral ini ialah melalui penglibatan kaunselor sekolah. Kaunselor sekolah melalui penglibatannya dengan pihak-pihak lain seperti guru, ibu bapa, pentadbir sekolah boleh membantu menangani masalah keruntuhan moral pelajar. Jelasnya, pihak kaunselor sepatutnya mempunyai hubungan yang rapat dengan semua pihak dalam menangani masalah pelajar-pelajar yang menghadapi masalah keruntuhan moral kerana mereka mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan.

## Rujukan

- Brake, K.J dan Gelles, E. R. (1994). "*Discovery: A Programme for Fourth and Fifth Grades Identified as Disciplines Problems*: Elementary School Guidance (28), 48-54.
- Canter dan Canter, (1991). "*Assertive Discipline: A Take-Charge Approach For Today's Educator*": Canter and Associates.
- Knoff, H.M. (1985). "*Discipline in the Schools: An Inservice and Consultation Program for Educational Staffs*". The school counselor (28), 211-217.
- La Brie, M. & Vallies, (1990). "*The Effects Of a Token Economy On First Grade Students*" *Inappropriate Social Behaviour* (28) 182-188.
- Muha, D.G & Cole, C (1991). "*Dropout Prevention and Group Counseling*". A Review of the Literature: The University of North Caroline Press.
- New Straits Times, Isnin, June 8, 1998.
- Noller, P, & Taylor, R. (1989). "*Parent Education and Family Relations*", 38(2), 188-200
- Smith, S.E. (1994). "*Parent Initited Contracts for School Related Behaviours*". Elementary School Guidance & Counseling (28) 182-188.
- Suradi Salim, (1993). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia*. Siri Monograf. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Bil 1. Kuala Lumpur.